

Rujukan : UKM KPD/246/3

Tarikh : 10 Oktober 2016

Semua Pelajar Berdaftar
Semester 1 Sesi Akademik 2016-2017
Fakulti Teknologi & Sains Maklumat (Program Prasiswazah)
Pusat Kembangan Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Saudara/i,

PENGESAHAN KURSUS DAN DRAF JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2016-2017

Merujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan bahawa peperiksaan akhir Semester 1 Sesi Akademik 2016-2017 akan diadakan pada **27 Disember 2016 hingga 13 Januari 2017**.

Sehubungan itu, saudara/i dikehendaki membuat pengesahan kursus Semester 1 Sesi Akademik 2016-2017 melalui **SMPE** mulai **31 Oktober hingga 6 November 2016**. Dalam paparan di SMPE akan tersenarai kursus yang saudara/i daftar pada semester ini, saudara/i perlu menekan butang SAH jika semua kursus dipaparkan adalah betul. Semua pelajar perlu membuat permohonan masuk peperiksaan ini untuk memastikan semua kursus yang saudara/i daftarkan telah tersenarai di dalam senarai pendaftaran kursus semasa. Saudara/i yang gagal membuat permohonan masuk peperiksaan dalam tempoh masa yang ditetapkan akan dikenakan denda sebanyak **RM50.00**.

Draf jadual peperiksaan akhir Semester 1 Sesi Akademik 2016-2017 akan dipaparkan di laman web PKP bermula **31 Oktober 2016**. Sekiranya terdapat percanggahan jadual peperiksaan, saudara/i dikehendaki memaklumkan kepada Unit Peperiksaan dan Pengijazahan PKP sama ada melalui emel mazuna@ukm.edu.my atau faks ke talian 03-89269182 selewat – lewatnya pada **6 November 2016**.

Sekiranya saudara/i gagal membuat pengesahan atau pembetulan terhadap maklumat tersebut, maka segala butiran kursus yang dicatatkan akan dianggap betul dan lengkap. Jika semasa peperiksaan, saudara/i tidak hadir bagi kursus - kursus berkenaan, saudara/i akan diberi gred E (gagal).

Jadual Waktu Peperiksaan muktamad dipaparkan dalam Kad Masuk dan Jadual Peperiksaan (KMJP) dan boleh dicetak dari SMPE mulai **30 November 2016**. Pelajar dinasihatkan menjelaskan yuran yang tertunggak **2 minggu lebih awal** daripada tarikh tersebut untuk mengelakkan sebarang kesulitan.

PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Telefon: +603-8921 4073 Faksimili: +603-8925 1391 E-mel: pghkmbgn@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pkp>

Saudara/i dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya bagi memastikan persiapan saudara/i menduduki peperiksaan berjalan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



MAZUNA JAMALUDDIN

Eksekutif Kanan

Unit Peperiksaan dan Pengijazahan

- s.k.
- Ketua Bahagian Pengurusan Akademik
 - Penyelaras Program
 - Eksekutif, Unit Pengurusan Program dan Rekod Pelajar



PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Telefon: +603-8921 4073 Faksimili: +603-8925 1391 E-mel: pghkmbgn@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pkp>